

**DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU****DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM****PERBICARAAN JENAYAH NO: JA-45A-81,82-12/2021****PENDAKWA RAYA****LAWAN****CHEW LENG SOON****ALASAN PENGHAKIMAN****Pengenalan**

[1] Tertuduh telah dituduh mengedar dadah jenis Methamphetamine seberat 208.42 gram dan 1689.22 gram dan dadah 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (**MDMA**) seberat 1619.82 dibawah s.39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (**ADB**). Tertuduh juga dituduh dibawah s.30(3) Akta Racun kerana memiliki 4619.29 gram Etizolam dan 351.97 gram Ketamin dibawah s.12(2) ADB.

[2] Pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

“Bahawa kamu pada 26/11/2020 jam lebih kurang 7.00 petang, bertempat di hadapan parkir rumah, No. 25, Jalan Molek 3/17, Taman Molek, Di dalam Daerah Johor Bahru, Di dalam Negeri Johor Darul Takzum, telah mengedar dadah jenis Methamphetamine dengan berat bersih 208.42 gram, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B (1) (A) Akta



S/N maoQX8BxWEQtU52OrXWvg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama.”

Pertuduhan Kedua:

“Bahawa kamu pada 26/11/2020 jam lebih kurang 7.00 petang, bertempat di rumah, No. 25, Jalan Molek 3/17, Taman Molek, Di dalam Daerah Johor Bahru, Di dalam Negeri Johor Darul Takzum, telah mengedar dadah jenis Methamphetamine dengan berat bersih 1689.22 gram, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B (1) (A) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama.”

Pertuduhan Ketiga:

“Bahawa kamu pada 26/11/2020 jam lebih kurang 7.00 petang, bertempat di rumah, No. 25, Jalan Molek 3/17, Taman Molek, Di dalam Daerah Johor Bahru, Di dalam Negeri Johor Darul Takzum, telah mengedar dadah jenis 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA) dengan berat 1619.82 gram, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B (1) (A) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama.”

Pertuduhan Keempat:

“Bahawa kamu pada 26/11/2020 jam lebih kurang 7.00 petang, bertempat di rumah, No. 25, Jalan Molek 3/17, Taman Molek, Di dalam Daerah Johor Bahru, Di dalam Negeri Johor Darul Takzum, kamu didapati memiliki Etizolam dengan (Berat Bersih 4619.29 gram), dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 30 (5) Akta yang sama. “

Pertuduhan Kelima

“Bahawa kamu pada 26/11/2020 jam lebih kurang 7.00 petang, bertempat di rumah, No. 25, Jalan Molek 3/17, Taman Molek, Di dalam Daerah Johor Bahru, Di dalam Negeri Johor Darul Takzum, telah ada dalam milikan kamu dadah berbahaya jenis Ketamine (Berat Bersih: 351.97 gram), oleh yang demikian



kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah Seksyen 12(2) ADB 1952 dan boleh dihukum dibawah Seksyen 12 (3) Akta yang sama.”

[3] Di akhir kes pendakwaan, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes *prima facie* atas kelima-lima pertuduhan dan tertuduh telah dipanggil untuk membela diri.

[4] Tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Di akhir kes pembelaan, saya mendapati tertuduh gagal mengakas anggapan di bawah s.37 (da) dan seterusnya gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Maka diputuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah.

[5] Tertuduh telah disabitkan dan dijatuhi hukuman penjara seumur hidup dan dua belas (12) kali sebatan bagi pertuduhan pertama, kedua dan ketiga. Bagi kesalahan dibawah s. 30 (3) Akta Racun 1952, 3 tahun penjara manakala kesalahan dibawah s. 12(2) ADB, penjara 4 tahun. Hukuman pemenjaraan berjalan serentak dari tarikh tangkap (26.11.2020)

[6] Tertuduh telah merayu ke Mahkamah Rayuan atas keputusan tersebut, maka berikut adalah alasan saya.

### Naratif kes Pendakwaan

[7] Bertindak atas maklumat kegiatan dadah, pada jam 6.30 petang, 26.11.2020, Insp. Mohammad Azraf bin Mohammad Ali, SP5 bersama anggota serbuan yang lain telah pergi ke sebuah rumah di No. 25, Jalan Molek 3/17, Taman Molek (**rumah tersebut**).

[8] Tiba di lokasi, SP5 mendapati pintu pagar rumah dalam keadaan tertutup dan pemerhatian dibuat pada jarak 30 meter untuk lebih kurang



30 minit. Pada jam lebih kurang 7.00 petang, kelihatan sebuah kereta jenis Toyota Camry bewarna hitam dengan nombor pendaftaran JLM 3886 menghampiri rumah dan pagar telah terbuka secara otomatik. Kereta tersebut masuk ke perkarangan rumah dan di pakir. Pintu pagar tertutup secara otomatik semula.

[9] Seorang lelaki cina telah kelihatan keluar dari kereta, bahagian pemandu dan pergi ke arah pintu rumah. Pintu *grill* dibuka dengan menggunakan kunci yang dipegang oleh lelaki tersebut. Beliau dilihat masuk ke dalam rumah dan mengunci pintu *grill* dari dalam.

[10] Sepuluh (10) minit kemudian, lelaki yang sama dilihat membuka kunci pintu *grill* dan keluar dari rumah dengan menjinjit satu plastik bewarna hitam/kelabu pada tangan kanannya. Pada masa yang sama, pasukan serbuan bertindak memanjat pintu pagar lalu masuk ke perkarangan rumah dan terus menahan lelaki cina tersebut sambil memperkenalkan diri sebagai polis.

[11] Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap lelaki cina tersebut dan telah dijumpai satu set kunci rumah (3 batang anak kunci) pada tangan kirinya dan satu plastik hitam/kelabu dari tangan kanannya yang didalamnya mengandungi satu (1) plastik lutsinar dan dua (2) plastik bewarna perak yang mengandungi bahan disyaki syabu.

[12] SP5 juga merampas satu alat kawalan jauh yang digunakan untuk membuka pintu pagar dalam poket seluar sebelah kanan lelaki tersebut. Lelaki tersebut kemudiannya telah dikenal pasti sebagai tertuduh.

[13] Dengan menggunakan kunci yang dirampas dari tertuduh, SP5 telah membuka semula pintu *grill* dan pintu rumah tersebut. Pemeriksaan dalam rumah telah dijalankan. Tiada barang salah dijumpai dalam bilik



pertama dan kedua yang tidak berkunci tetapi bilik ketiga didapati berkunci.

[14] SP5 telah bertanyakan kunci bilik tersebut dengan tertuduh dan tertuduh telah menunjukkan ke arah satu rak kayu dalam bilik stor bersebelahan bilik ketiga.

[15] Dengan menggunakan kunci yang dijumpai atas rak, pasukan serbuan berjaya masuk ke bilik ketiga dan menjumpai satu (1) kotak coklat dan satu (1) beg. Dalam kotak dijumpai beberapa jenis dadah. Turut dijumpai alatan menimbang dan *sealer*. Kesemua dadah dan barang lain yang dijumpai telah dirampas.

[16] Tertuduh kemudiannya diserahkan kepada Pegawai Penyiasat, Inspektor Mohd Hafiz Roslan, SP7 beserta barang rampasan yang telah dibuat penandaan.

[17] SP7 menghantar barang kes ke Jabatan Kimia dan hasil analisa ahli kimia, SP2 Encik Sidek bin Ahmad, mengesahkan dalam Laporan Kimia (**P14**) bahawa barang kes yang dirampas adalah dadah berbahaya iaitu:

1. Metamphetamine seberat 208.42 gram;
2. Methamphetamine seberat 1689.22 gram;
3. MDMA seberat 1619.82 gram;
4. Etizolam seberat 4619.29 gram; dan
5. Ketamin seberat 351.97 gram.

### **Dapatkan Di akhir kes Pendakwaan**

[18] Di peringkat akhir kes pendakwaan, satu kes *prima facie* sebagaimana diperuntukkan dalam s.180(1) Kanun Tatacara Jenayah (**KTJ**) perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan dari keterangan bukti yang boleh dipercayai dan kredibel yang mana jika tidak disangkal akan



membolehkan sabitan dibuat (rujuk s.180 (4) KTJ dan kes **Abdullah Atan Iwn PP (2020) 9 CLJ 151**).

[19] Ungkapan "*mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor kesalahan*" dalam s. 180(4) bermaksud bahawa pihak pendakwaan perlu membuktikan setiap elemen kesalahan sama ada dengan mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai, membuat inferen terhadap fakta atau mengguna pakai anggapan undang-undang (lihat kes **Abdullah Atan** di muka surat 166).

[20] Kes *prima facie* ialah kes yang mencukupi untuk tertuduh dipanggil untuk menjawab pertuduhan keatasnya dan keterangan yang dikemukakan mencukupi melainkan ia disangkal atau diakas melalui keterangan lain (lihat kes **Balachandran v PP [2005] 1 CLJ 85**). Dalam kes **Ong Cheng Heong Iwn PP (1998) 4 CLJ 209**, pandangan Vincent Ng, J telah dirujuk dan disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes **Abdullah Atan** mengenai apa yang terjumlah sebagai satu kes *prima facie* seperti berikut:

“..prima facie evidence is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary but is not conclusive. I would follow that there should be credible evidence on each and every ingredient of the offence. Credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon should be rejected.”

[21] Begitu juga sebagaimana diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes **Looi Kow Chai v. Public Prosecutor [2003] 2 MLJ 65**, yang mengatakan seperti berikut:

“It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the CPC has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and to ask



himself the question: if I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative, then no *prima facie* case has been made out, and the accused would be entitled to an acquittal."

- [22] Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Magendran Mohan v. Public Prosecutor [2011] 1 CLJ 805*** juga memutuskan mengenai pembuktian kes *prima facie* seperti berikut:

"[44] The test at the end of the prosecution's case is 'prima facie case' based on a maximum evaluation of evidence. The evidence has to be scrutinised properly and not perfunctorily, cursorily or superficially. If the evaluation of the evidence results in doubts in the prosecution's case, then a *prima facie* case has not been made out. The defence ought not to be called merely to clear or clarify such doubts."

- [23] Maka, dalam menentukan pembuktian kes *prima facie*, satu penilaian secara maksima perlu dibuat terhadap keseluruhan keterangan bukti yang dikemukakan termasuk menilai kredibiliti saksi-saksi dan melihat inferen yang boleh dibuat dari keterangan bukti kes pendakwaan untuk membuktikan setiap elemen kesalahan (rujuk kes ***PP v Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457***).

### **Kes *Prima Facie***

- [24] Keterangan bukti yang perlu dikemukakan untuk kesalahan pengedaran dadah berbahaya di bawah s. 39B (1) (a) ADB adalah bahawa dadah yang dirampas adalah dadah berbahaya seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB, ia adalah dalam pemilikan tertuduh apabila dibuktikan dadah adalah di bawah jagaan, kawalan dan pengetahuannya dan seterusnya, tertuduh mengedar dadah tersebut. Pengedaran boleh dibuktikan dengan keterangan langsung berdasarkan



tafsiran pengedaran di bawah s. 2 ADB atau anggapan di bawah s. 37 (da).

## Intipati Kesalahan

*Dadah adalah yang tersenarai di Jadual Pertama dan sepetimana yang didefinasikan dibawah ADB.*

[25] Jenis dan berat dadah telah disahkan dan dibuktikan dari keterangan SP2 dan Laporan Kimia yang disediakan, P14 sebagaimana dalam pertuduhan.

[26] Mengenai hasil analisa SP2, saya merujuk kepada kes **Munusamy Vengadasalam v PP [1987] CLJ (Rep) 221** and **Balachandran v Public Prosecutor [2005] 2 MLJ 301** dan memetik bahawa mahkamah ini “*entitled to accept the opinion of the chemist at its face value without the necessity for him to go into details of what he did in the laboratory unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert.* Pendapat ini juga telah diikuti dalam kes **Tarmizi bin Yaacob v PP (2006) 6 MLJ 197** dan seterusnya dalam **Mazlan bin Mustafa v PP Rayuan Jenayah 05-212-08-2012** oleh Mahkamah Rayuan.

[27] Rantaian pergerakan barang kes tidak terputus dimana dadah yang dirampas oleh SP5 telah diserahkan kepada SP7, selanjutnya kepada SP2 untuk dianalisa. Barang kes telah disimpan di stor penyimpanan barang kes sehingga dikemukakan ke mahkamah pada hari perbicaraan (rujuk kes **Gunalan Ramachandran v PP (2004) 4 CLJ 551** – “*..the chain of evidence is more important for the period from the time of recovery until the completion of the analysis by the chemist..*”)



[28] Maka dengan itu, saya mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen jenis dan berat dadah sebagaimana dalam pertuduhan (rujukan juga dibuat mengikut kes **Shahrizal Abdul Ghani v. PP [2014] 1 CLJ 70 dan Su Ah Ping v. PP [1979] 1 LNS 100**).

#### *Pemilikan terhadap dadah*

[29] Berkait keperluan membuktikan ramuan pemilikan, pihak pendakwaan perlu mengemukakan keterangan bahawa tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan serta pengetahuan tentang dadah yang dijumpai (lihat kes **Chan Pean Leon v. PP [1956] MLJ 237**). Mahkamah dalam kes **Chan Pean Leon** juga telah memutuskan bahawa “*..a person is said to be in possession of a thing if he has the power to deal with it as the owner to the exclusion of all other persons.*”

[30] Maksud “*custody*”, “*control*” dan “*possession*” telah dibincangkan dalam kes **Leow Nghee Lim v Red [1956] 1 MLJ**, yang mana dipetik seperti berikut:

“Custody means having care or guardianship; goods in custody are in the care of the custodian and, by necessary implication, he is taking care of them on behalf of someone else. You cannot take care of goods unless you know where they are and have the means of exercising control over them. Custody therefore implies knowledge of the existence and whereabouts of the goods and power of control over them, not amounting to possession.

Control must be proved as a fact and it must arise from the relation of the person to the goods, irrespective of whether they are contraband.

Probably the most helpful definition of possession is:-

“The relation of a person to a thing over which he may at his pleasure exercise such control as the character of the thing admits, to the exclusion of other persons.”



This definition does not express, but it does imply that the meaning of the word includes some element of knowledge.

A man must know of the existence of a chattel and have some idea of its whereabouts before he can exercise any control over it. The word possession therefore implies some knowledge but not necessarily full or exact knowledge.”

[31] Mengenai pembuktian pengetahuan, Mahkamah Persekutuan dalam kes **Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor [2009] 1 CLJ 717** memutuskan bahawa elemen pengetahuan boleh dilihat dari inferen atau kesimpulan fakta. Petikan yang dirujuk adalah seperti berikut:

“Proof of knowledge is very often a matter of inference. The material from which the inference of knowledge can be drawn varies from case to case. It would be sufficient for the prosecution to prove facts from which it could properly be inferred that the accused had the necessary knowledge.”

[32] Adalah juga berdasarkan nas kes-kes duluan bahawa dua elemen yang diperlukan untuk membuktikan pemilikan ialah kawalan fizikal dan pengetahuan. Untuk memenuhi unsur fizikal, ia mesti ditunjukkan bahawa tertuduh berada berhampiran dengan dadah dan dia boleh mengendalikannya seolah-olah ia adalah miliknya. Bagi unsur mental atau *mens rea* pula, perlu dibuktikan bahawa tertuduh berniat atau berhasrat untuk berurusan dengan dadah tersebut (*intended to deal with the drugs*) (rujuk kes **PP v Abdul Rahman Akif [2007] 5 MLJ 237 (FC), Chan Pean Leon v PP [1956] 22 MLJ 237 (HC)**). Dalam erti kata lain, keperluan unsur fizikal dan mental tersebut perlu wujud dan dibuktikan sebelum pemilikan dapat dibuktikan.

[33] Dalam kes ini, pihak pendakwaan telah mengemukakan fakta dan inferen berikut untuk membuktikan pemilikan tertuduh terhadap dadah:

1. Empat (4) pertuduhan ke atas tertuduh dilakukan olehnya di dalam rumah tersebut (dadah dalam bilik ketiga) manakala



- satu (1) lagi pertuduhan adalah terhadap dadah yang dijumpai dalam plastik hitam/kelabu yang dijinjit oleh tertuduh semasa ditangkap di pakir dalam perkarangan rumah.
2. Alat kawalan jauh yang dijumpai pada tertuduh adalah kunci untuk pagar rumah dan set kunci yang juga dirampas dari tertuduh adalah kunci kepada rumah tersebut.
  3. Tertuduh telah menunjukkan keberadaan anak kunci kepada bilik ketiga semasa pemeriksaan dilakukan dalam rumah.
  4. Anak kunci tersebut adalah kunci kepada bilik ketiga yang mana telah dijumpai dadah yang dirampas.
  5. Rantaian keterangan barang kes tidak terputus.
  6. Analisa SP2 mengenai jenis dan berat dadah tidak dipertikai.
  7. Tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai keberadaan dadah dalam rumah tersebut dan juga dadah yang dibawa olehnya dalam plastik hitam/kelabu.
  8. Pemerhatian telah dibuat oleh pasukan serbuan dalam tempoh 30 minit dan pada jarak 30 meter yang mana dengan jelas telah melihat tertuduh sampai di rumah tersebut dan membuka pagar dan seterusnya masuk ke dalam rumah. Tertuduh juga dilihat keluar, sendirian, dengan membawa plastik hitam/kelabu. Tiada orang lain di dalam rumah tersebut pada ketika itu.
  9. Dadah jenis methamphetamine telah dijumpai dalam plastik hitam/kelabu yang dibawa oleh tertuduh dan dadah lain (yang dirampas) dijumpai dalam kotak dan beg di bilik ketiga.
  10. Turut dirampas dari dalam bilik ketiga adalah alat penimbang dan *sealer* di atas lantai.
  11. Walaupun rumah tersebut adalah rumah sewa yang bukan atas nama tertuduh, tetapi pada masa serbuan, hanya



- tertuduh berada dalam rumah dan dilihat masuk (tanpa memegang apa-apa) dan keluar menjinjit plastik yang kemudiannya di dapati dadah jenis methamphetamine.
12. Dadah yang dijumpai dalam rumah (di bilik ketiga) adalah dari jenis yang sama dengan dadah yang dijinjit keluar oleh tertuduh.
  13. Pendakwaan mengguna pakai s.14 dan s. 15 Akta Keterangan.
  14. Tertuduh mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas rumah tersebut, pada masa itu, walaupun tidak disewa atau diduduki olehnya. Kunci pagar, kad akses dan kunci rumah ada pada tertuduh.
  15. Tertuduh mempunyai *custody, care and control* terhadap dadah dan juga pengetahuan. Milik siapa dadah tidak relevan (rujuk **PP Iwn Klong K'djoanh & satu lagi rayuan [2016] 5 CLJ 533**).
  16. Tertuduh telah dianggap mengedar dadah yang dirampas dengan pemakaian anggapan dibawah s.37(da)(xvi) dan s. 37(da)(xxii) ADB (pemilikan 50 gram atau lebih methamphetamine dan MDMA).
  17. Turut dijumpai adalah alatan untuk tujuan pembungkusan/pengedaran iaitu alat penimbang dan sealer (rujuk **PP v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor [2002] 8 CLJ 814**).
  18. Jumlah dadah yang dirampas menunjukkan dadah tidak bertujuan untuk kegunaan sendiri.
  19. Saksi-saksi pendakwaan adalah kredibel dan boleh dipercayai.

[34] Pada peringkat ini, pihak pembelaan berhujah seperti berikut:



1. Pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan elemen pengedaran dibawah s.2 ADB.
2. Hanya menyimpan atau menyembunyikan dadah yang dirampas tidak terjumlah kepada satu pengedaran tanpa bukti lanjut ada pengetahuan untuk berurus/menjual (*mere act of 'keeping', or 'concealing' or 'carrying' dangerous drugs as enumerated in s 2 of the Act will not constitute 'trafficking' without any further evidence of an intention to trade or deal in them*) – rujukan kepada kes ***PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401.***
3. Tiada bukti atau keterangan dikemukakan untuk kesalahan mengedar.
4. Tiada bukti pengetahuan oleh tertuduh berniat untuk berurus dengan dadah tersebut.
5. Tiada pemilikan secara ekslusif dibuktikan kerana tidak dibuktikan kawalan dan jagaan serta pengetahuan.
6. Hanya tertuduh berada berdekatan (*mere proximity*) tidak mencukupi untuk membuktikan pemilikan (rujuk ***Low Thiam Teck v Public Prosecutor [2015] 3 MLJ 134.***).
7. Tiada barang peribadi tertuduh dijumpai didalam rumah tersebut menunjukkan tertuduh bukan penghuni (rujuk ***Tan Thong Jin v. Public Prosecutor [2002] 3 MLJ 695.***).
8. Tertuduh tiada kawalan ekslusif terhadap rumah tersebut kerana beliau bukan penyewa dan kunci rumah pendua disimpan oleh tuan rumah.
9. Rumah disewa dan dibayar oleh penama “Jacky”.
10. Jacky bukan watak rekaan (*fictitious*) kerana terdapat gambar beliau dikemukakan untuk rujukan di IDD30.



11. Pendakwaan gagal untuk mengecualikan akses orang lain terhadap rumah tersebut.
12. Terdapat DNA orang lain dijumpai dalam rumah tersebut.
13. Tiada barang salah dijumpai dalam kereta.
14. Terdapat inferen yang memihak kepada tertuduh dan ianya perlu diambil kira oleh mahkamah.
15. Tertuduh tiada pengetahuan mengenai dadah dalam bilik ketiga dan yang dibawa dalam plastik hitam/kelabu kerana jenis plastik yang dibawa itu tidak boleh dilihat isi kandungannya (rujuk **PP v Jazri bin Johari [2011] MLJU 63**).
16. S.37(g) ADB tidak terpakai terhadap tertuduh kerana dadah telah disembunyikan dalam bilik ketiga yang semestinya hanya diketahui oleh penghuni rumah sedangkan tertuduh tidak menghuni disitu.
17. Jacky tidak dipanggil sebagai saksi, maka ia menjadikan wujud lompang dalam kes pendakwaan.

[35] Bagi tujuan pembuktian milikan terhadap dadah, undang-undang adalah mantap bahawa dengan hanya mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dadah tersebut tidak mencukupi untuk membuktikan pemilikan (lihat **Ibrahim Mohamad v. PP [2011] 4 CLJ 1**).

[36] Di akhir kes pendakwaan, saya mendapati bahawa tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan serta pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai maka ianya adalah dalam milikan beliau semasa ditangkap.

[37] Pada peringkat ini saya menerima keterangan SP5 mengenai kejadian pada hari serbuan dibuat. Saya dapati SP5 adalah saksi yang kredibel, konsisten dan tiada sebab untuk meragui keterangannya. Pemerhatian yang rapi telah dibuat oleh SP5 bersama pasukan serbuan. Tertuduh dengan jelas pergi dan masuk ke dalam rumah tersebut seorang



diri, masuk tanpa memegang apa-apa tetapi keluar bersama satu plastik yang kemudiannya dijumpai dadah di dalamnya.

[38] SP5 juga mengatakan bahawa tertuduh telah menunjukkan keberadaan anak kunci kepada bilik ketiga dan dadah yang dijumpai pada tangan tertuduh (dalam plastik hitam/kelabu) adalah sama dengan jenis dari dalam kotak di bilik ketiga. Tiada orang lain selain tertuduh berada di dalam rumah pada masa serbuan dibuat.

[39] Samada mencukupi untuk saya menerima keterangan penting hanya dari seorang saksi, adalah undang-undang mantap bahawa keterangan ditimbang dan bukan dibilang (*evidence is weighed and not counted*) sebagaimana diperuntukkan dalam s.134 Akta Keterangan 1950. Undang-undang adalah jelas bahawa “*No particular number of witnesses shall in any case be required for the proof of any fact*”. Terutamanya jika keterangan saksi tersebut konsisten dan kredibel.

[40] Pada tahap ini, tiada keterangan atau motif yang memungkinkan SP5 tidak bercakap benar dan tiada alasan untuk saya meragui keterangannya. (rujuk ***PP v. Mohamed Ali [1962] 28 MLJ 257*** dan ***Shah Irwan Ton v. PP [2013] 1 LNS 377***).

[41] Oleh yang demikian, saya merumuskan bahawa berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan dan dapatan fakta diatas, elemen pemilikan dadah tersebut telah dibuktikan secara afirmatif.

#### *Tertuduh telah mengedar dadah*

[42] Bagi elemen pengedaran, memandangkan elemen pemilikan telah berjaya dibuktikan maka saya membuat dapatan bahawa kes *prima facie* pengedaran dibuktikan bawah seksyen 180(4) KTJ, dengan pemakaian anggapan bawah seksyen 37(da) ADB (rujuk kes ***Abdullah***



**Atan)** berdasarkan berat dadah Methamphetamine dan MDMA yang melebihi berat minima 50 gram (s 37(da)(xvi) dan (xxii)).

[43] Oleh yang demikian, tertuduh telah dipanggil untuk membela diri dan beliau memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

### **Kes Pembelaan**

[44] Pembelaan tertuduh adalah bahawa rumah tempat beliau ditangkap dan tempat dijumpainya dadah seperimana dalam pertuduhan bukan miliknya, tetapi milik rakannya bernama Ricky atau Jacky. Tertuduh bekerja dengan Jacky untuk mengumpulkan pembelian nombor ekor 4 digit haram. Tertuduh mengatakan yang dia juga tiada pengetahuan jika Jacky terlibat dalam pengedaran dadah.

[45] Tertuduh tinggal dirumah sewanya di Taman Mount Austin. Tertuduh mengenali Jacky sejak 7-8 tahun dan Jacky terlibat dengan urusan pembelian nombor ekor secara haram dan sebagai *bookie* pertaruhan atas talian atau pertaruhan bola. Tertuduh tidak mengetahui nama penuh Jacky dan hanya berkomunikasi melalui aplikasi *WeChat*.

[46] Pada hari kejadian, Jacky meminta tertuduh untuk mengambil barang dari dalam rumah tersebut. Tertuduh berjumpa dengan Jacky di sebuah restoran dan mengambil kunci kereta Jacky, kunci rumah dan alat kawalan jauh pagar serta kad akses rumah untuk mengambil barang tersebut. Tertuduh menggunakan kereta Jacky kerana ianya lebih laju.

[47] Tertuduh tidak mengetahui apa barang yang disuruh ambil oleh Jacky. Jacky hanya memberitahu untuk tertuduh mengambil “*barang adik lelakinya*” dari dalam rumah tersebut. Tertuduh pergi dan masuk ke rumah tersebut dan mengambil barang, satu plastik hitam kelabu yang dikatakan telah diletakkan di atas meja dalam rumah tersebut. Tertuduh tidak terus



keluar tetapi ke bilik air dahulu sebelum beredar. Tertuduh tidak melihat isi kandungan plastik hitam/kelabu itu kerana ada balutan dan tidak boleh dibuka.

[48] Sebaik sahaja keluar, tertuduh telah ditangkap. Tertuduh terkejut dan plastik yang dipegang terjatuh. Tertuduh tidak melarikan diri. Dadah dijumpai di dalam plastik hitam/kelabu tersebut.

[49] Setelah dibawa masuk ke dalam rumah, tertuduh mengatakan yang dia tidak tahu keberadaan mana-mana kunci bilik. Dia mengatakan polis yang membuat pengeledahan dan terjumpa kunci bilik ketiga dalam bilik stor.

[50] Setelah bilik ketiga dibuka, polis menjumpai lebih banyak dadah. Tertuduh menafikan pernah masuk ke dalam mana-mana bilik dalam rumah tersebut.

[51] Dalam pemeriksaan balas, tertuduh ada menambah bahawa dia pernah ke rumah tersebut sebelum itu sebanyak tiga (3) kali bersama Jacky tetapi tidak masuk ke dalam. Tertuduh juga mengatakan adik Jacky bekerja sebagai jurutera dan pernah nampak Jacky mengambil *spare-part* kereta dari dalam rumah tersebut. Tertuduh juga ada menimbulkan identiti penama “*Tommy*” sebagai rakan kepada Jacky yang memperkenalkan tertuduh dengan Jacky.

## **Analisa kes Pembelaan**

[52] Penilaian saya terhadap pembelaan tertuduh adalah, ianya satu penafian semata-mata. Tiada penjelasan mengenai butiran penama Jacky diberikan dan tiada alasan yang boleh diterima secara munasabah diberikan mengapa perlu tertuduh menukar kereta untuk mengambil barang dirumah Jacky.



[53] Tidak dinyatakan juga kenapa Jacky perlu menyuruh tertuduh mengambil barang sedangkan Jacky juga berada berhampiran.

[54] Tertuduh berada dalam rumah untuk satu jangka masa. Walaupun tertuduh mengatakan dia ke tandas sebelum keluar tetapi dia juga mengatakan Ricky menyuruhnya segera kembali ke restoran. Tertuduh tahu Ricky terlibat dalam urusan pembelian nombor ekor haram. Tertuduh sudah beberapa kali pergi ke rumah yang sama bersama Ricky tetapi masih mengatakan tidak tahu mengapa Ricky ke rumah tersebut.

[55] Saya tidak mempercayai bahawa tertuduh tidak mengetahui bahawa isi kandungan dalam plastik hitam/kelabu adalah dadah. Tertuduh bukan asing dengan dadah kerana beliau mengakui pernah mengambil dadah dan tahu hanya dengan melihat, dadah yang dijumpai dalam bilik ketiga adalah pil ecstasy.

### **Analisan dan Dapatan di akhir Kes Pembelaan**

[56] Berdasarkan kepada seksyen 182A KTJ, jika pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui sebarang keraguan yang munasabah, tertuduh hendaklah didapati bersalah dan disabitkan. Namun jika sebaliknya, Mahkamah hendaklah melepas dan membebaskan tertuduh. (Rujuk kes **Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85** dan **Mohamad Radhi bin Yaacob v. PP [1991] 1 CLJ Rep 311**)

[57] Mengenai anggapan pengedaran dibawah s.37(da), beban akan berpindah kepada tertuduh untuk menyangkal anggapan tersebut atas imbalan kebarangkalian yang mana bebannya adalah lebih berat dari menimbulkan keraguan yang munasabah (rujuk kes **PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116**).



[58] Mengikut kes *Liam Heng Boon v. PP [2012] 1 LNS 1455*, Mahkamah Rayuan memutuskan:

“So the appellant had to rebut the operative presumption of trafficking under s. 37(da) of the DDA on the balance of probabilities. That level of rebuttal places a higher evidentiary burden on the appellant.”

[59] Dengan pemakaian anggapan di bawah s.37(da) ini juga, elemen pegedaran telah dianggap maka tertuduh dikatakan mengedar dadah tersebut sehingga dibuktikan sebaliknya (*until the contrary is proved*). Tertuduh dengan ini perlu mengemukakan keterangan yang mencukupi untuk mengakas anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian (rujuk *Ng Chai Kem v PP (1994) 2 CLJ 593* dan *Mohamad Radhi v PP (1992) 2 SCR 145*).

[60] Dalam pembelaan tertuduh, telah dihujahkan oleh peguam seperti berikut sebagai bukti sanggahan (*rebuttal evidence*):

1. Keterangan pembelaan telah menimbulkan lebih dari satu inferen maka yang memihak kepada tertuduh harus diterima. Inferen tersebut adalah fakta bahawa Jacky telah meminta tertuduh mengambil sesuatu dari rumah tersebut lalu memberikan kad akses dan kunci kepada tertuduh.
2. Sampai dirumah, tertuduh pergi ke tandas dan melihat satu plastik di atas meja dan mengambilnya tanpa mengetahui isi kandungan.
3. Tertuduh tidak menunjukkan anak kunci bilik ketiga kepada polis tetapi pihak polis telah menjumpainya semasa geledahan dibuat.
4. Jacky bukan watak rekaan kerana tertuduh mengesahkannya dari gambar yang dikemukakan dan dari keterangan SP6.
5. Tiada keterangan yang membuktikan tertuduh membungkus dadah tersebut. Tiada bukti DNA berjaya dikesan.



6. Keterangan di atas tidak dicabar oleh pendakwaan.
7. Tertuduh hanyalah pembawa sucihati (*innocent carrier*) maka beliau tiada kawalan atau jagaan serta pengetahuan mengenai dadah tersebut.
8. Tertuduh bukan penyewa atau menghuni rumah tersebut. Tiada barang peribadi dirampas.
9. Tiada keterangan bahawa tertuduh mempunyai hak ekslusif pengunaan rumah tersebut.
10. Hanya berada berdekatan dengan dadah tidak membuktikan pemilikan.
11. Jacky/Ricky adalah pengedar yang sebenar (*real trafficker*).
12. Pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah.

[61] Sebagai hujah balas, pendakwaan mengatakan seperti berikut:

1. Pembelaan tertuduh adalah penafian semata-mata.
2. Walaupun tertuduh dikatakan hanya mengikut arahan Jacky untuk mengambil “barang” di rumah tersebut, tertuduh sepatutnya mempunyai rasa curiga mengenai kandungan plastik hitam/kelabu yang disuruh ambil oleh Jacky tetapi dia bertindak untuk tidak mengambil tahu. Maka dihujahkan bahawa dari fakta keadaan dalam kes ini, tertuduh sebenarnya mengetahui bahawa “barang” tersebut adalah dadah (rujuk **Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari [2016] 1 LNS 1855**).
3. Tindakan tertuduh menggunakan kereta milik orang lain untuk ke rumah tersebut telah menunjukkan niat yang tidak baik atau untuk menyembunyikan perbuatan salah yang dilakukan.
4. Alasan kereta Camry lebih laju adalah tidak logik kerana jarak restoran ke rumah tersebut adalah dekat dan tiada keperluan



untuk menukar kereta melainkan sebenarnya ingin mengaburi pihak berkuasa.

5. Tertuduh juga mengatakan beliau perlu cepat dan tergesa-gesa, tetapi tindakan tertuduh yang masuk ke rumah dan menutup pagar dan mengunci pintu rumah seolah-olah tiada apa yang perlu disegerakan. Tindakan tertuduh ini boleh disimpulkan sebagai cuba menyembunyikan kegiatan salah yang dilakukan dalam rumah tersebut.
6. Tertuduh berada dalam rumah untuk tempoh 10 minit cukup untuk mengambil dadah di bilik ketiga, membungkusnya serta *sealed* dan membawanya keluar dalam plastik hitam/kelabu tersebut.
7. Tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah yang dijumpai dalam plastik yang dibawa ditangannya dan juga dadah yang dijumpai dalam rumah.
8. Tertuduh telah menunjukkan anak kunci bilik ketiga kepada polis. Tiada sebab untuk saksi polis untuk tidak bercakap benar.
9. Hanya tertuduh masuk dan keluar dari rumah tersebut pada hari kejadian dan tiada orang lain (rujuk ***Lim Son Heng v. Public Prosecutor [2014] 1 LNS 414***).
10. Penama Jacky atau Ricky hanya rekaan kerana tertuduh gagal memberikan maklumat lengkap mengenai Jacky walaupun sudah lama mengenalinya.
11. Adalah *modus operadi* pengedar dadah untuk melibatkan premis kediaman untuk menyimpan dan memproses dadah tanpa menggunakan identiti mereka yang sebenar. Ini adalah sebab rumah disewa dengan menggunakan nama Lee Keng Jin, SP6. Ini menunjukan niat tertuduh untuk menyembunyikan kegiatan aktiviti dadahnya.



12. Tertuduh mempunyai akses kepada rumah kerana dia mempunyai kad akses masuk, alat kawalan jauh pagar dan juga kunci grill dan pintu rumah.
13. Tertuduh bukan seorang *innocent carrier*.
14. Pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pendakwaan.

[62] Di akhir kes pembelaan, saya berpendapat bahawa tertuduh gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dan menyangkal anggapan pengedaran di bawah s.37 (da) (xvi) dan (xxii) atas imbalan kebarangkalian.

[63] Dari penilaian saya terhadap keterangan pembelaan, penafian tertuduh mengetahui adanya dadah di dalam plastik yang dibawanya dan di dalam bilik ketiga rumah tersebut tidak teguh dan bercanggah dari segi logik terutamanya dengan alasan tertuduh tanpa selidik atau curiga mengikuti arahan Jacky untuk mengambil “barang” dari rumah tersebut.

[64] Tertuduh gagal menjelaskan mengapa dia perlu menukar kereta tanpa berasa syak langsung dengan arahan Jacky sedangkan tertuduh mengetahui Jacky adalah seorang yang menjalankan aktiviti haram.

[65] Fakta bahawa jenis dadah yang sama dijumpai, dalam plastik yang dibawa oleh tertuduh dengan yang di dalam bilik meneguhkan lagi bukti tertuduh sebenarnya tahu yang dibawa keluar olehnya pada hari itu adalah dadah.

[66] Walaupun tertuduh bukan penyewa atau penghuni rumah tersebut, fakta bahawa tiada orang lain pada masa itu, dan tertuduh dilihat masuk dan keluar dengan membawa plastik hitam/kelabu yang berisi dadah, ianya cukup untuk mengaitkan kawalan serta jagaan terhadap dadah dengan pengetahuan penuh mengenai keberadaannya.



[67] Adalah tidak mencukupi untuk tertuduh sekadar mengatakan yang dia tiada pengetahuan (*merely assert absence of knowledge*) tetapi dari fakta yang dikemukakan, tertuduh secara munasabahnya perlu berasa syak atau meragui mengenai kandungan dadah dalam plastik (kes ***Herlina Purnana Sari*** adalah dirujuk).

[68] Tambahan lagi, saya dapati, keterangan bahawa tertuduh tidak menunjukkan kunci kepada polis tidak boleh ditegakkan kerana tiada sebab untuk saya tidak mempercayai keterangan SP5 yang hanya menjalankan tugas beliau tanpa ada bukti ingin mengenakan tertuduh. Malah keterangan tertuduh adalah lebih diragui kerana mempunyai kemungkinan bertujuan untuk melepaskan diri.

[69] Saya juga merujuk kepada prinsip yang diputuskan dalam kes ***PP v Hia Win (1995) 2 SLR 424*** yang memutuskan bahawa jika seseorang itu dengan sengaja tidak mengendahkan kepada fakta yang jelas (*shuts his eyes to the obvious*), hanya kerana tidak ingin mengambil tahu (*because he doesn't want to know*), dia boleh dianggap mengetahuinya (*he is taken to know*).

[70] Walaupun dari nas duluan telah diputuskan bahawa kedudukan dadah yang berhampiran (*close proximity*) dengan tertuduh tidak secara *per se* cukup untuk membuktikan pengetahuan (rujuk antaranya kes ***Low Thiam Teck v PP (2014) CLJU 1104***) namun, dalam kes ini fakta bahawa tertuduh mempunyai kontak secara fizikal (*physical contact*) dengan dadah yang dijinjitnya yang mana juga telah diperhatikan dibawa keluar dari dalam rumah, dadah yang sejenis dengan rampasan di dalam rumah, ianya satu fakta persekitaran yang menunjukkan wujudnya pengetahuan.

[71] Mengenai ketiadaan bukti DNA dikemukakan, saya berpendapat ianya tidak semestinya bermaksud tertuduh tidak memiliki dadah yang



dirampas (rujuk ***Gunalan a/l Ramachandran v PP (2004) 2 MLJ 489***). Keterangan foresik adalah keterangan yang membentuk satu keterangan sokongan sahaja yang mana tidak akan menyebabkan lompong dalam kes pendakwaan jika ia tidak dikemukakan. Jika elemen pemilikan dan pengedaran telah dibuktikan, dari keterangan sedia ada, maka ianya tidak menjelaskan kes pendakwaan (rujuk ***Francis Abuchi Odike v PP (2015) 1 LNS 928***).

[72] Mengenai isu Jacky atau Ricky adalah sebenarnya pengedar dadah (*the real trafficker*), saya merujuk kepada kes ***Ghasem Hozouri Hassan v. PP (2018) 6 CLJ 133*** dimana telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan bahawa jika ada orang lain dikatakan terlibat dalam pengedaran tersebut, ianya tidak relevan dalam memutuskan samada tertuduh adalah pengedar bagi maksud s.39B(2) ADB. Juga telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam ***Jorge Cresspo Gomez v PP [2020] 8 CLJ 292*** bahawa tidak kira siapa yang sebenarnya adalah pengedar, kerana tertuduh yang memiliki dadah tersebut (*it does not matter whether there was another person who was the real trafficker, as it was the accused who was in possession of the drugs*).

## **Keputusan**

[73] Oleh yang demikian, bersandarkan nas kes-kes duluan dan prinsip undang-undang mantap, setelah membuat penilaian semula kepada keseluruhan keterangan bukti yang dikemukakan saya memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh sehingga melampau keraguan munasabah. Tertuduh juga gagal menyangkal anggapan dibawah s.37(da) atas imbangan kebarangkalian.

[74] Saya mengambil panduan maksud “keraguan munasabah” dari petikan dalam kes ***PP v Saimin (1971) 1 LNS 115*** seperti dibawah:



"It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all evidence leaves the minds of jurors in that condition to a moral certainty of the truth of the charge.

**It has again been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there.** Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence."

-Penekanan ditambah

[75] Saya telah menilai dengan teliti kes pembelaan dan telah membuat dapatan selaras dengan seksyen 182A KTJ. Saya juga merujuk kepada panduan **Radhi** di dalam kes **Mohamad Radhi Yaakob** seperti berikut:

"It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty.

To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of



view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt.

[76] Kesimpulannya, saya berpendapat bahawa keterangan bukti kes pembelaan tidak menyakinkan (*not convincing*) dan tidak benar (*false*). Sehubungan dengan itu, bukan sekadar tidak yakin, saya juga berpendapat keseluruhan kes pembelaan gagal untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan seterusnya gagal mematahkan anggapan dibawah s.37(da) atas imbangan kebarangkalian.

## Hukuman

[77] Dalam rayuan mitigasi peguam, beliau telah berhujah dan memohon saya mempertimbangkan hukuman alternatif pemenjaraan seumur hidup berikutan dengan pindaan yang baru dibuat kepada s.39B.

[78] Tertuduh berusia 43 tahun dan mempunyai 2 orang anak yang meningkat remaja. Peranan tertuduh hanya sekadar seorang penghantar dadah dan sangat minima. Timbalan Pendakwaraya memohon agar hukuman setimpal dijatuhkan terhadap tertuduh kerana dadah dijumpai dalam jumlah yang besar.

[79] Setelah mempertimbangkan hujah mitigasi dan pemberatan pendakwaan, tertuduh telah disabitkan dan dijatuhi hukuman penjara seumur hidup dan dua belas (12) kali sebatan bagi pertuduhan pertama, kedua dan ketiga. Bagi kesalahan dibawah s. 30 (3) Akta Racun 1952, 3 tahun penjara manakala kesalahan dibawah s. 12(2) ADB, penjara 4 tahun. Hukuman pemenjaraan berjalan serentak dari tarikh tangkap (26.11.2020).

[80] Tempoh pemenjaraan dan jumlah sebatan yang dikenakan adalah yang paling minima boleh dikenakan terhadap tertuduh. Pada pandangan



saya, ianya adalah wajar, setimpal dan mengikut kehendak serta peruntukan undang-undang semasa.

Bertarikh : 4 April 2024

**(NOOR HAYATI BINTI HAJI MAT)**

Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Johor Bahru

Perwakilan:-

Bagi pihak Pendakwaan:

Puan Siti Norliza binti Abdullah  
Timbalan Pendakwa Raya  
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor  
Aras 2, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad  
Kota Iskandar, Iskandar Puteri  
Johor.

Bagi pihak Tertuduh:

Encik Yap Che Kai  
Tetuan C.K Yap & Partners  
No 21A Jalan Sutera Tanjung 8/2  
Taman Sutera Utama  
81300 Skudai  
Johor



S/N\_maoOX8BxWEQtU52OrXWvg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal